

LAPORAN KAJIAN

KEBERKESANAN SISTEM AGIHAN ZAKAT:
SUATU PANDANGAN AWAL

OLEH:
MD HAIRI MD HUSSAIN

FAKULTI PERAKAUNAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2009

ISI KANDUNGAN

SENARAI JADUAL.....	ii
SENARAI RAJAH	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB	v
ABSTRAK.....	vi
1.0 PENGENALAN.....	1
1.1 PERNYATAAN MASALAH.....	4
1.2 SOALAN KAJIAN.....	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN.....	5
1.4 KEPENTINGAN KAJIAN.....	5
1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN	6
1.5.1 SKOP	6
1.5.2 BATASAN.....	6
2.0 ULASAN KARYA	7
2.1 KEPIMPINAN.....	7
2.2 NILAI AGAMA.....	8
2.2.1 IMAN (AKIDAH)	9
2.2.2 UNDANG-UNDANG ISLAM (SHARIAH).....	9
2.2.3 AKHLAK.....	10
2.3 TEKNOLOGI MAKLUMAT.....	10
3.0 METODOLOGI KAJIAN	12
3.1 KERANGKA TEORI	12
4.0 PENEMUAN KAJIAN.....	13
4.1 STATISTIK KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT.....	13
4.1.1 ANALISIS DATA	16
4.2 STATISTIK AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF.....	16
4.2.1 ANALISIS DATA	21
5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN	22
6.0 RUJUKAN.....	23

SENARAI JADUAL

Jadual 4.1: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2003	13
Jadual 4.2: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2004	14
Jadual 4.3: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2005	14
Jadual 4.4: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2006	15
Jadual 4.5: Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2007	15
Jadual 4.6: Statistik Agihan Zakat bagi Wilayah Persekutuan dari Tahun 2003 hingga 2007 ...	17
Jadual 4.7: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Selangor dari Tahun 2003 hingga 2007	17
Jadual 4.8: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Terengganu dari Tahun 2003 hingga 2007	17
Jadual 4.9: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Johor dari Tahun 2003 hingga 2007	18
Jadual 4.10: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Pulau Pinang dari Tahun 2003 hingga 2007 ..	18
Jadual 4.11: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Perak dari Tahun 2003 hingga 2007	18
Jadual 4.12: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Perlis dari Tahun 2003 hingga 2007	19
Jadual 4.13: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Kedah dari Tahun 2003 hingga 2007	19
Jadual 4.14: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Kelantan dari Tahun 2003 hingga 2007	19
Jadual 4.15: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Sembilan dari Tahun 2003 hingga 2007	20
Jadual 4.16: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Sabah dari Tahun 2003 hingga 2007	20
Jadual 4.17: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Pahang dari Tahun 2003 hingga 2007	20
Jadual 4.18: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Melaka dari Tahun 2003 hingga 2007	21
Jadual 4.19: Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Sarawak dari Tahun 2003 hingga 2007	21

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1. Hubungan diantara Pembayar Zakat, Pejabat Zakat dan Penerima Zakat	3
Rajah 3.1. Model Pengurusan Agihan Zakat	12

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmat dan kasih sayangNya saya mendapat kekuatan untuk menyempurnakan kajian ini sehingga selesai.

Saya berterima kasih kepada rakan-rakan di Fakulti Perakaunan ini yang banyak memberikan bantuan dan pandangan untuk membaiki hasil kajian ini. Semoga kajian ini akan menggalakkan lagi saya dan rakan-rakan yang lain untuk berusaha ke arah membudayakan penyelidikan di universiti yang tercinta ini.

Akhirnya, penghargaan turut saya rakamkan juga kepada keluarga saya yang menjadi sumber motivasi untuk saya melakukan kajian ini.

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB

Saya mengaku bertanggungjawab ke atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data dan gambarajah yang dikemukakan dalam laporan ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hak cipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana komen, laporan, maklumat teknikal dan fakta lain dan juga terhadap tuntutan hak cipta dan juga hak keempunyaan.



Md Hairi Md Hussain

(Penyelidik)

ABSTRAK

Isu agihan zakat sering menjadi perhatian ramai. Masyarakat sering mempersoalkan mengenai lebih berjuta-juta ringgit wang zakat yang tidak diagihkan kepada asnaf. Lebih wang zakat ini bertambah dengan banyaknya dari setahun ke setahun. Timbul beberapa persoalan mengenai keberkesanan agihan zakat pada masa sekarang. Berapakah jumlah kutipan dan berapa banyak kutipan ini diagihkan kepada asnaf yang layak? Golongan asnaf manakah yang merupakan penerima terbanyak wang zakat? Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan agihan zakat? Justeru, kertas kerja ini bertujuan membincangkan secara terperinci mengenai persoalan di atas dan di akhir kertas kerja ini, dicadangkan beberapa pendekatan bagi merungkai persoalan-persoalan ini.

Kata kunci: Agihan, Zakat.

1.0 PENGENALAN

Zakat merupakan rukun Islam yang ketiga selepas mengucap dua kalimah syahadah dan solat lima waktu. Zakat mula diwajibkan ke atas orang Islam sejak dari zaman Rasulullah S.A.W. lagi iaitu pada bulan Syawal dalam tahun ke 2 hijrah (Ahmad Syafi'i, 2005). Perintah yang mewajibkan zakat telah termaktub dalam Al-Quran dengan terdapatnya beberapa ayat yang menyuruh seseorang yang mengaku dirinya muslim menjalankan kewajibannya itu. Antaranya dengan firman Allah:

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk” (Surah Al Baqarah, ayat 43).¹

“Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat dan taatlah kamu kepada rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat” (Surah An-Nuur, ayat 56).²

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui” (Surah At-Taubah, ayat 103).³

Kemudian selepas kewafatan Rasulullah S.A.W, amalan kutipan zakat diteruskan di bawah pemerintahan khalifah Islam yang pertama, Saidina Abu Bakar, di mana penguatkuasaan undang-undang zakat diperketatkan sehingga membawa kepada tindakan tegas iaitu memerangi golongan yang tidak membayar zakat. Ini selari dengan hadis nabi yang bermaksud:

¹ Tafsir Ibnu Kathier Jilid 1, 2007.

² Tafsir Ibnu Kathier Jilid 5, 2007.

³ Tafsir Ibnu Kathier Jilid 4, 2007.

“Aku diperintahkan memerangi manusia hingga mereka bersaksi tiada tuhan selain Allah dan Muhammad adalah utusan Allah, mendirikan solat serta menunaikan zakat. Apabila mereka melakukannya maka terpeliharalah darah mereka daripadaku melainkan dengan hak Islam” (Hadis riwayat Bukhari dalam nukilan Mohammad Nidzam, 2006).

Ketegasan ini dilihat perlu memandangkan dana zakat sangat penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Peranan zakat dalam membangunkan masyarakat Islam amat besar. Zakat digunakan sebagai satu mekanisma untuk membantu masyarakat Islam yang memerlukan dan melalui hasil zakat inilah nasib golongan asnaf akan terbela. Sebahagian dari harta orang tertentu yakni orang yang layak mengeluarkan zakat akan diambil dan diagihkan kepada orang yang berhak menerimanya. Di sini zakat berperanan menyuburkan perasaan kasih terhadap saudara seagama dan membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup. Ini secara tidak langsung mengurangkan perasaan hasad dengki dan iri hati golongan asnaf terhadap saudara seagama mereka yang kaya. Begitu indahny Islam yang menutup ruang agar perasaan dengki dan irihati terhadap sesama insan dapat dikikis, manakala kedamaian dan kententeraman masyarakat dapat dipelihara.


Terdapat lapan golongan yang layak menerima zakat sepertimana yang telah diputuskan oleh agama Islam iaitu golongan fakir, miskin, amil, muallaf, untuk memerdekakan hamba, orang yang berhutang, untuk jalan Allah (ibnu sabil) dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan (musafir). Ini selari dengan ayat Al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana” (Surah At-Taubah, ayat 60).⁴

⁴ Tafsir Ibnu Kathier Jilid 4, 2007.

Agihan zakat kepada lapan golongan asnaf di atas memerlukan satu sistem agihan yang berkesan agar setiap pihak merasakan mereka dilayan dengan adil dan saksama. Oleh itu peranan yang dimainkan oleh pejabat zakat dalam aspek agihan zakat ini penting untuk diberi perhatian.

Dalam membincangkan aspek agihan zakat ini, adalah lebih baik jika ianya dihubungkan juga dengan aspek kutipan zakat. Secara umumnya kedua-dua aspek ini boleh dihubungkan melalui rajah di bawah.



Rajah 1.1. Hubungan diantara Pembayar Zakat, Pejabat Zakat dan Penerima Zakat

Rantainya hubungan diantara pihak yang terlibat dengan zakat bolehlah diringkaskan seperti berikut: Pembayar zakat akan membayar zakat di pejabat zakat yang kemudiannya akan menyalurkan dana zakat kepada golongan asnaf. Fasa pertama di sini adalah hubungan diantara pembayar zakat dan pejabat zakat manakala fasa kedua pula adalah hubungan diantara pejabat zakat dan penerima zakat (golongan asnaf). Walaubagaimanapun, terdapat juga pembayar zakat yang memberikan zakat mereka terus kepada penerima zakat tanpa melalui pejabat zakat.

Tumpuan kepada aspek kutipan zakat (iaitu fasa pertama) telah banyak mendapat perhatian daripada penyelidik-penyelidik dalam bidang zakat (Kamil & Ahmad Madzhan, 2002; Zainol, 2008; Ram Al Jaffri, Zainol, Kamil & Md Hairi, 2008). Justeru kajian yang bakal dilakukan ini akan membawa kepada satu aspek yang masih kurang diberi perhatian oleh penyelidik-penyelidik iaitu berkenaan dengan agihan wang zakat kepada golongan yang layak menerimanya (fasa kedua).

1.1 PERNYATAAN MASALAH

Kutipan wang zakat meningkat dari tahun ke tahun walaupun hasil kutipannya masih lagi boleh dipertingkatkan. Sebagai contoh dalam tahun 2007, kutipan zakat bagi Wilayah Persekutuan ialah RM173,815,154.35 iaitu meningkat sebanyak 17.8% berbanding tahun 2006. Manakala bagi negeri Selangor pula ialah RM202,193,541.00 iaitu meningkat sebanyak 26.5% berbanding tahun 2006.

Peningkatan kutipan wang zakat seterusnya membawa kepada meningkatnya jumlah wang zakat untuk diagihkan kepada golongan asnaf. Baitulmal sebagai pihak yang bertanggungjawab menguruskan agihan wang zakat, dilihat berdepan dengan cabaran besar dalam soal agihan wang zakat. Ini adalah kerana kelemahan pengurusannya dibimbangi mampu menyebabkan agihan wang zakat tidak dilaksanakan dengan sewajarnya. Tambahan pula penyelewengan yang berlaku di beberapa pejabat zakat turut menyumbang kepada agihan wang zakat yang tidak memuaskan. Permasalahan ini seterusnya membuka ruang kepada rungutan orang ramai terutamanya golongan yang merasakan diri mereka layak menerima wang zakat tetapi tidak menerimanya.

Disamping itu wujud pula isu berkaitan dengan keberkesanan sistem agihan zakat yang diamalkan oleh setiap negeri, sebagai contoh dalam tahun 2007, Wilayah Persekutuan dan Selangor iaitu dua negeri yang mencatatkan kutipan zakat tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain, hanya mengagihkan 69.7% dan 86.3% hasil zakat mereka kepada golongan asnaf. Fakta ini menyokong kepada perlunya satu sistem pengurusan agihan zakat yang berkesan agar kritikan terhadap institusi zakat dapat dilenyapkan.

1.2 SOALAN KAJIAN

1. Berapakah jumlah kutipan dan berapa banyak kutipan ini diagihkan kepada asnaf yang layak?
2. Golongan asnaf manakah yang merupakan penerima terbanyak wang zakat?
3. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan agihan zakat?

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengetahui jumlah kutipan dan peratus agihannya kepada asnaf yang layak.
2. Untuk mengenalpasti asnaf yang merupakan penerima terbanyak wang zakat.
3. Untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan pengurusan agihan zakat.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kerana menyahut tuntutan agama yang menggalakkan umat Islam terlibat dengan pencarian ilmu sepertimana sabda Rasulullah S.A.W. “tuntutlah ilmu dari buaian hinggalah ke negeri China”. Apatah lagi ilmu yang hendak dituntut ini berkaitan dengan rukun Islam yang mampu meningkatkan ketaqwaan kepada Allah S.W.T. Disamping itu, kajian ini berupaya untuk menyumbang kepada ilmu terutamanya dengan memperkayakan literatur di dalam bidang zakat. Jika hendak dibandingkan dengan bidang cukai, iaitu bidang yang paling hampir dengan zakat, literatur dalam bidang zakat sangat jauh ketinggalan dan usaha untuk memperkayakan literatur ini sewajarnya dilihat sebagai satu sumbangan besar kepada agama.

Selain itu, kajian ini berusaha untuk menyelami faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pengurusan agihan zakat. Sepanjang pengetahuan penyelidik, belum ada cubaan yang dibuat untuk membina model pengurusan agihan zakat yang terperinci.

Kajian oleh Musa et al. (dalam nukilan Abdul Ghafar & Hailani, 2006) melihat tentang pengukuran prestasi pejabat zakat di Malaysia dan tadbir urus dari aspek agihan dana zakat di mana beberapa negeri telah dibuat kajian bagi melihat keberkesanan agihan dana zakat yang diuruskan oleh mereka. Namun kajian tersebut tidak terperinci dan membuka ruang kepada satu kajian yang lebih terperinci sebagai mengambil kira saranan yang diberikan oleh penyelidik.

1.5 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

1.5.1 SKOP

Kajian ini memberi tumpuan kepada data kutipan dan agihan yang terdapat dalam laporan tahunan zakat. Data yang digunakan adalah dari tahun 2003 hingga 2007 yang melibatkan 14 buah pusat zakat iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Wilayah Persekutuan, Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak.

1.5.2 BATASAN

Tahun 2007 merupakan tahun terkini di mana laporan tahunan zakat dapat diperolehi. Manakala perbandingan selama 5 tahun telah memadai untuk menyokong perbincangan kajian. Oleh itu data bagi tahun 2002 dan tahun sebelumnya tidak dimasukkan ke dalam skop kajian.

2.0 ULASAN KARYA

Bab ini akan membincangkan 3 pembolehubah yang mampu untuk membentuk model pengurusan agihan zakat yang berkesan. Pembolehubah-pembolehubah tersebut adalah kepimpinan, nilai agama dan teknologi maklumat.

2.1 KEPIMPINAN

Kepimpinan didefinisikan sebagai penggunaan kuasa untuk mempengaruhi orang lain (Butler, 2009). Islam pula mendefinisikan kepimpinan sebagai amanah di mana pemimpin dan pengikutnya disaran untuk melakukan kebaikan (Khaliq, 2009). Menurut Johnson (1998) kepimpinan adalah elemen yang menentukan kesinambungan organisasi.

Sumber utama bagi prinsip-prinsip kepimpinan Islam adalah Al-Quran, Hadis Nabi, Khalifah yang bijaksana dan pengikut yang soleh (Syed Omar, Djasriza, & Fatimah, 2007). Dari perspektif Islam, pemimpin mesti mempunyai kualiti yang terpuji dalam usaha untuk menggalakkan keadilan dalam urus tadbir. Hadis yang diriwayatkan oleh Umar (RA) juga menunjukkan bahawa pemimpin mesti melaksanakan fungsi mereka dengan berkesan dan cekap kerana mereka akan dipersoalkan oleh Allah tentang kepimpinan mereka (Imam Muslim, 1997). Nabi Muhamad (SAW) telah memberi amaran kepada umat Islam tentang pentingnya meletakkan seorang pemimpin yang betul di tempatnya. Baginda mengatakan bahawa kejujuran akan hilang apabila kuasa berada dalam tangan orang yang tidak layak. Nathan dan Ribiere (2007) menyokong kenyataan di atas dengan mengatakan bahawa pemimpin yang bijak dapat memotivasikan tingkah laku beretika, menanamkan nilai yang baik dan hormat kepada semua pihak.

Dalam konteks institusi zakat, kepimpinan yang hendak diamalkan mesti memenuhi keperluan Islam disebabkan Islam menyediakan garis panduan yang lengkap untuk pengikutnya yang meliputi setiap aspek kehidupan manusia. Tambahan pula, konsep kepimpinan dan motivasi dalam Islam adalah lebih menyeluruh daripada konsep-konsep dalam teori konvensional. Oleh itu, kepimpinan Islam yang kukuh boleh dibangunkan melalui rangka kerja Islam (Khaliq, 2009). Perbincangan di atas membawa kepada

kesimpulan bahawa kepimpinan adalah pembolehubah yang sangat penting dan ia diramalkan dapat memberi impak kepada pengurusan institusi zakat.

2.2 NILAI AGAMA

Islam didefinisikan sebagai pengabdian manusia kepada Allah. Dalam Al-Quran, definisi Islam boleh didapati dalam Surah Al Baqarah, ayat 177⁵ dan Surah An-Nisa', ayat 136⁶ yang menyentuh tentang rukun iman dan rukun Islam. Konsep yang digalakkan oleh Islam seperti akauntabiliti, ketelusan dan kepimpinan yang baik adalah relevan untuk diaplikasikan dalam menguruskan organisasi. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang hubungan antara nilai agama dan pengurusan agihan zakat belum lagi ditemui dalam literatur. Oleh itu, memeriksa pembolehubah ini dalam konteks pengurusan agihan zakat akan memberikan sumbangan yang besar dalam memenuhi jurang yang sedia ada.

Nilai agama adalah sebahagian daripada tadbir urus yang baik di bawah perspektif Islam. Nabi Muhammad (SAW) membuktikan bahawa pengurusan yang berdasarkan ajaran Islam yang sebenar dapat memacu negara ke arah kecemerlangan. Di bawah legasi Nabi Muhammad (SAW) dan sahabatnya, pentadbiran negara-negara Islam berada pada tahap yang terbaik. Rahsia kejayaan mereka adalah kerana rasa takut kepada Allah. Elemen ini harus tertanam ke dalam pengurusan agihan zakat untuk menangani masalah tingkah laku pekerja zakat.

Dalam persekitaran zakat, beberapa kajian telah menggunakan pembolehubah nilai agama untuk menjelaskan fenomena yang berlaku. Walau bagaimanapun, kajian mereka memberi tumpuan lebih kepada gelagat kepatuhan zakat. Sebagai contoh Kamil (2002) menyatakan bahawa terdapat hubungan yang songsang diantara nilai agama dan gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. Justifikasi yang diberikan adalah umat Islam dengan nilai agama yang tinggi lebih cenderung untuk membayar zakat terus kepada penerima zakat tanpa melalui institusi zakat sebagai pengantara. Satu lagi kajian oleh Zainol (2008) menunjukkan hubungan yang positif di mana umat Islam dengan nilai agama yang tinggi

⁵ Tafsir Ibnu Kathier Jilid 1, 2007.

⁶ Tafsir Ibnu Kathier Jilid 2, 2007.

juga akan mempunyai niat yang tinggi untuk membayar zakat gaji. Penemuan yang pelbagai ini memberikan petunjuk bahawa pembolehubah ini mempunyai pengaruh dalam pengurusan agihan zakat. Nilai agama boleh dipecahkan kepada beberapa elemen iaitu iman (akidah), undang-undang Islam (shariah) dan moral (akhlak). Elemen-elemen ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah.

2.2.1 IMAN (AKIDAH)

Percaya kepada Tuhan yang esa dianggap sebagai tunggak yang paling penting dalam rukun iman. Individu dengan iman yang lengkap terhadap Tuhannya akan bertindak balas mengikut ajaran Islam. Ini membawa kepada pembangunan identiti Islam dengan matlamat untuk berkhidmat dan melindungi kepentingan umat Islam (Zaid, 2000).

Dalam konteks institusi zakat, iman akan bertindak sebagai pengawal untuk memantau tingkah laku pekerja zakat. Mereka yang memiliki iman yang teguh akan menghalang diri mereka dari terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang merosakkan. Penghayatan kepada konsep iman ini berupaya menghasilkan pekerja zakat yang jujur dan bertanggungjawab. Ini dapat menggalakkan tingkah laku yang diinginkan dan seterusnya membantu dalam memperbaiki persepsi pihak berkepentingan zakat terhadap institusi zakat.

2.2.2 UNDANG-UNDANG ISLAM (SHARIAH)

Undang-undang Islam adalah undang-undang yang sangat berkuasa kerana ia berdasarkan kepada sumber yang tidak boleh dipertikaikan; Al-Quran dan Hadis. Pelaksanaan undang-undang Islam di institusi zakat akan bertindak sebagai penyembuh kepada masalah pengurusan kerana undang-undang ini merupakan wahyu Tuhan.

Undang-undang Islam merangkumi kewajipan dan amalan termasuk ibadat, akhlak, perkahwinan, harta pusaka, jenayah dan urusan perniagaan. Undang-undang Islam yang lengkap ini akan mengukuhkan pengurusan institusi zakat kerana ia akan memastikan ketelusan dan pendedahan (Faruq Ahmad & Hassan, 2009). Selain itu, pematuhan dengan

prinsip teras Islam di bawah rangka kerja shariah akan menggalakkan keyakinan dan keteguhan dalam institusi zakat (Faruq Ahmad & Hassan, 2009).

2.2.3 AKHLAK

Moral adalah satu lagi elemen nilai agama. Nabi Muhammad (SAW) memberi respons kepada soalan tentang agama dan berkata bahawa agama adalah moral (Yakan, 1992). Selain itu, Nabi Muhammad (SAW) dihantar untuk menyempurnakan moral (Yakan, 1992). Tanggungjawab moral menunjukkan bahawa seseorang itu bertanggungjawab bagi apa-apa penyalahgunaan kuasa. Zandstra (2002) menambah bahawa keruntuhan organisasi adalah kerana lembaga pengarah gagal dalam tanggungjawab moral mereka.

Dalam konteks institusi zakat, moral diperhatikan dari keputusan atau tindakan oleh pengarah, pengurus dan pekerja dalam melindungi pihak-pihak berkepentingan. Kemerosotan moral dalam perniagaan adalah disebabkan wujudnya sifat tamak yang tidak terkawal dan kecelaruan dalam kejujuran dan ketelusan. Laporan dari media menunjukkan bahawa institusi zakat juga dipengaruhi oleh fenomena ini.

Berdasarkan perbincangan di atas, nilai agama pekerja zakat didapati mempunyai peranan untuk mempengaruhi pengurusan agihan zakat. Kejadian seperti rasuah dan salah guna kuasa tidak akan berlaku jika nilai agama pekerja zakat adalah kuat.

2.3 TEKNOLOGI MAKLUMAT

Teknologi maklumat memainkan peranan penting dalam pengurusan dan tadbir urus organisasi dengan memastikan pulangan yang lumayan ke atas pelaburan teknologi (Brown & Grant, 2005; Trites, 2004). Walaupun teknologi maklumat ini popular, keperluan tadbir urus teknologi maklumat masih tidak digunakan sepenuhnya dalam persekitaran universiti (Noor Azizi, 2008).

Weill dan Ross (2004a) mendefinisikan tadbir urus teknologi maklumat sebagai rangka kerja yang menggalakkan tingkah laku yang sesuai dalam menggunakan teknologi

maklumat di mana penekanan diberi kepada hak membuat keputusan dan akauntabiliti. Selain itu, ia juga merupakan bahagian penting dalam tadbir urus korporat dan memerlukan perhatian dari pihak pengurusan atasan. Tadbir urus teknologi maklumat menggabungkan kepimpinan, struktur organisasi dan proses untuk mencapai objektif organisasi (IT Governance Institute, 2003). Ia juga meliputi perancangan strategik berhubung dengan penggunaan teknologi, kawalan integriti dan pengurusan sistem maklumat dan risiko yang berkaitan dengan teknologi maklumat (Trites, 2004).


Beberapa kajian telah melaporkan penemuan yang menyokong tadbir urus teknologi maklumat. Weill dan Ross (2004b) mendapati bahawa syarikat-syarikat dengan tadbir urus teknologi maklumat yang lebih baik menikmati 25% keuntungan yang lebih tinggi daripada syarikat-syarikat yang tadbir urusnya lemah. Selain itu, tadbir urus teknologi maklumat menawarkan kelebihan daya saing, peningkatan produktiviti, penciptaan nilai, kecekapan dalam menyebarkan maklumat dan menguruskan sumber-sumber (IT Governance Institute, 2003). Di samping itu, tadbir urus teknologi maklumat menghubungkan keputusan yang melibatkan teknologi maklumat dengan objektif syarikat dan membolehkan pemantauan terhadap prestasi dan akauntabiliti (Weill & Ross, 2004a).

Dalam konteks institusi zakat, kesedaran pihak pengurusan atasan kepada tadbir urus teknologi maklumat di beberapa negeri masih rendah. Ini mungkin disebabkan kekurangan pemahaman tentang tadbir urus teknologi maklumat dan pemikiran pegawai atasan yang negatif yang menentang perubahan. Walau bagaimanapun, bagi institusi zakat yang penggunaan tadbir urus teknologi maklumatnya adalah optimum, mereka biasanya menunjukkan prestasi yang lebih baik. Lembaga Zakat Selangor dan PPZ-MAIWP adalah contoh institusi zakat yang berjaya memanipulasi teknologi maklumat untuk memberi kelebihan kepada mereka (Shawal, 2009). Sebaliknya, ada negeri yang masih lagi ragu-ragu apabila berdepan dengan keputusan yang melibatkan teknologi maklumat. Dalam kajian ini tadbir urus teknologi maklumat merujuk kepada penggunaan teknologi untuk memudahkan pembuatan keputusan, meningkatkan proses tadbir urus dan memastikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pihak yang berkepentingan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah data sekunder di mana laporan zakat dirujuk bagi mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Disamping itu tinjauan literatur juga dilakukan untuk menyokong perbincangan ke arah menghasilkan model pengurusan agihan zakat. Berikut ditunjukkan kerangka teori yang dibangunkan berdasarkan kepada ulasan karya yang dibuat.

3.1 KERANGKA TEORI



Rajah 3.1. Model Pengurusan Agihan Zakat

4.0 PENEMUAN KAJIAN

Bahagian ini mendedahkan maklumat berkenaan dengan kutipan dan agihan zakat yang diperolehi daripada laporan zakat.

4.1 STATISTIK KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

Berikut diberikan statistik kutipan dan agihan zakat bagi 14 negeri di Malaysia mulai dari tahun 2003 hingga 2007 (Sumber: Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, PPZ-MAIWP).

Jadual 4.1

Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2003

	Kutipan	Agihan	Lebihan	Peratus Agihan
Wilayah Persekutuan	96,380,801.25	86,743,448.34	9,637,352.91	90.0
Selangor	86,200,315.23	85,240,949.41	959,365.82	98.9
Melaka	13,037,830.48	12,235,196.64	802,633.84	93.8
Terengganu	40,058,735.20	34,106,222.61	5,952,512.59	85.1
Johor	33,959,015.68	25,503,362.74	8,455,652.94	75.1
Perak	21,698,518.02	17,413,919.92	4,284,598.10	80.3
Pulau Pinang	21,317,975.00	15,671,266.61	5,646,708.39	73.5
Kedah	18,559,387.21	20,141,417.58	-1,582,030.37	108.5
Kelantan	18,140,371.63	15,028,766.24	3,111,605.39	82.8
Negeri Sembilan	16,520,810.59	12,884,236.90	3,636,573.69	78.0
Sarawak	10,264,513.31	3,036,304.15	7,228,209.16	29.6
Sabah	6,573,224.92	*TD		
Pahang	20,616,368.54	*TD		
Perlis	5,102,537.00	*TD		

Nota: *TD = Tiada Data

Jadual 4.2

Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2004

	Kutipan	Agihan	Lebihan	Peratus Agihan
Wilayah Persekutuan	110,631,584.04	56,606,956.24	54,024,627.80	51.2
Selangor	108,826,547.05	100,246,508.85	8,580,038.20	92.1
Melaka	14,238,492.58	12,713,838.73	1,524,653.85	89.3
Terengganu	36,147,739.28	38,096,418.34	-1,948,679.06	105.4
Johor	38,052,802.64	27,554,780.48	10,498,022.16	72.4
Perak	25,724,715.39	20,020,133.01	5,704,582.38	77.8
Pulau Pinang	23,288,019.00	20,577,660.00	2,710,359.00	88.4
Kedah	22,205,222.54	19,784,653.86	2,420,568.68	89.1
Kelantan	22,440,931.30	16,563,281.04	5,877,650.26	73.8
Negeri Sembilan	19,037,286.24	15,273,598.30	3,763,687.94	80.2
Sarawak	15,566,982.51	4,625,700.32	10,941,282.19	29.7
Sabah	7,784,937.74	4,900,207.04	2,884,730.70	62.9
Pahang	22,917,724.25	*TD		
Perlis	6,406,109.00	5,356,243.00	1,049,866.00	83.6

Nota: *TD = Tiada Data

Jadual 4.3

Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2005

	Kutipan	Agihan	Lebihan	Peratus Agihan
Wilayah Persekutuan	130,141,209.97	99,519,005.36	30,622,204.61	76.5
Selangor	133,121,829.00	101,536,521.16	31,585,307.84	76.3
Melaka	17,692,093.97	13,821,995.65	3,870,098.32	78.1
Terengganu	40,365,590.96	28,052,565.11	12,313,025.85	69.5
Johor	49,357,154.03	37,472,092.94	11,885,061.09	75.9
Perak	27,543,535.48	21,542,089.40	6,001,446.08	78.2
Pulau Pinang	28,000,426.00	21,340,846.00	6,659,580.00	76.2
Kedah	30,185,661.45	20,207,371.53	9,978,289.92	66.9
Kelantan	29,372,551.46	20,207,371.53	9,165,179.93	68.8
Negeri Sembilan	23,098,180.81	22,254,227.84	843,952.97	96.3
Sarawak	15,299,300.04	6,540,235.85	8,759,064.19	42.7
Sabah	11,314,073.92	8,986,022.18	2,328,051.74	79.4
Pahang	31,032,233.57	*TD		
Perlis	6,564,465.08	*TD		

Nota: *TD = Tiada Data

Jadual 4.4

Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2006

	Kutipan	Agihan	Lebihan	Peratus Agihan
Wilayah Persekutuan	147,587,898.48	101,548,407.00	46,039,491.48	68.8
Selangor	159,836,252.79	135,654,172.31	24,182,080.48	84.9
Melaka	19,464,653.26	*TD		
Terengganu	42,870,576.42	28,695,239.72	14,175,336.70	66.9
Johor	54,732,942.45	43,407,348.96	11,325,593.49	79.3
Perak	33,848,479.38	24,518,926.74	9,329,552.64	72.4
Pulau Pinang	30,589,545.62	26,253,904.27	4,335,641.35	85.8
Kedah	35,227,089.74	27,449,471.23	7,777,618.51	77.9
Kelantan	35,641,537.75	21,742,632.63	13,898,905.12	61.0
Negeri Sembilan	25,821,205.04	24,721,037.54	1,100,167.50	95.7
Sarawak	20,548,322.81	8,051,103.63	12,497,219.18	39.2
Sabah	16,648,793.71	12,219,804.93	4,428,988.78	73.4
Pahang	35,971,733.59	18,546,514.93	17,425,218.66	51.6
Perlis	11,847,141.66	6,802,349.80	5,044,791.86	57.4

Nota: *TD = Tiada Data

Jadual 4.5

Statistik Kutipan dan Agihan Zakat bagi Tahun 2007

	Kutipan	Agihan	Lebihan	Peratus Agihan
Wilayah Persekutuan	173,815,154.35	121,224,318.69	52,590,835.66	69.7
Selangor	202,193,541.00	174,520,057.27	27,673,483.73	86.3
Melaka	22,067,022.30	17,029,922.95	5,037,099.35	77.2
Terengganu	51,442,341.96	31,759,421.50	19,682,920.46	61.7
Johor	73,321,840.60	64,822,119.99	8,499,720.61	88.4
Perak	41,276,179.92	30,866,753.94	10,409,425.98	74.8
Pulau Pinang	37,085,282.33	30,014,842.80	7,070,439.53	80.9
Kedah	36,692,723.92	36,062,046.00	630,677.92	98.3
Kelantan	40,199,886.62	24,313,030.07	15,886,856.55	60.5
Negeri Sembilan	29,356,271.66	31,192,172.08	-1,835,900.42	106.3
Sarawak	23,132,088.56	11,613,203.32	11,518,885.24	50.2
Sabah	17,514,982.50	18,826,422.19	-1,311,439.69	107.5
Pahang	41,487,155.81	*TD		
Perlis	16,699,600.00	11,597,569.00	5,102,031.00	69.4

Nota: *TD = Tiada Data

4.1.1 ANALISIS DATA

Sepanjang tahun 2003 hingga 2007, rata-rata semua negeri mencatatkan peningkatan dalam kutipan wang zakat. Negeri Selangor mendahului semua negeri dalam tahun 2007 dengan mencatatkan kutipan tertinggi iaitu sebanyak RM202 juta mengatasi Wilayah Persekutuan yang mencatatkan kutipan sebanyak RM173 juta. Manakala negeri Perlis merupakan negeri yang mencatatkan kutipan zakat paling sedikit sepanjang tahun 2003 hingga 2007.

Dalam soal agihan pula, didapati empat negeri iaitu Kedah (tahun 2003), Terengganu (tahun 2004), Negeri Sembilan dan Sabah (tahun 2007) mencatatkan peratusan agihan melebihi 100%.

Negeri Selangor iaitu negeri yang mencatatkan kutipan tertinggi dalam tahun 2007 didapati hanya mengagihkan 86.3% hasil kutipannya kepada golongan asnaf manakala Wilayah Persekutuan (kutipan kedua tertinggi dalam tahun 2007) hanya mengagihkan 69.7% hasil zakatnya iaitu agak rendah berbanding beberapa negeri yang lain.

Perbincangan di atas seterusnya menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu berapakah jumlah kutipan dan berapa banyak kutipan ini diagihkan kepada asnaf yang layak.

4.2 STATISTIK AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF

Berikut diberikan statistik agihan zakat kepada asnaf bagi 14 negeri di Malaysia mulai dari tahun 2003 hingga 2007 (Sumber: Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, PPZ-MAIWP).

Jadual 4.6

Statistik Agihan Zakat bagi Wilayah Persekutuan dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	9,906,301.37	11,419,592.85	11,179,368.94	14,837,415	19,363,534.39
Miskin	10,591,255.52	11,605,608.90	13,470,527.51	13,463,592	20,675,005.82
Amil	15,053,259.95	15,721,920.40	16,800,093.18	25,685,080	16,249,998.20
Muallaf	1,620,030.75	1,806,613.90	2,209,416.51	3,125,683	3,796,131.87
Al-Riqab	2,000.00	2,000.00	-	-	-
Al-Gharimin	114,804.80	507,192.33	610,836.67	1,399,151	1,395,073.19
Ibnu Sabil	114,804.80	139,286.90	168,411.95	340,704	382,981.80
Fisabilillah	24,340,991.15	15,404,740.96	55,080,350.60	42,696,782	59,361,593.42
Pelaburan	25,000,000.00	-	-	-	-
Jumlah	86,743,448.34	56,606,956.24	99,519,005.36	101,548,407	121,224,318.69

Jadual 4.7

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Selangor dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	2,687,075.75	2,309,224.15	2,674,180.10	2,216,217.70	1,994,611.07
Miskin	26,574,266.86	30,811,489.04	31,082,240.02	39,695,216.00	56,073,812.00
Amil	11,893,050.96	12,889,011.26	16,916,679.38	20,060,817.55	23,700,000.00
Muallaf	4,952,597.02	5,488,405.84	6,344,230.99	7,755,225.91	8,387,255.40
Al-Riqab	299,377.84	217,563.12	112,385.76	683,428.32	953,887.73
Al-Gharimin	2,750,965.64	4,109,417.85	6,551,666.68	9,999,254.69	17,466,848.59
Ibnu Sabil	304,200.00	378,735.00	374,978.00	423,785.99	408,177.75
Fisabilillah	35,779,415.34	44,042,662.59	37,480,160.23	54,820,226.15	65,535,464.73
Jumlah	85,240,949.41	100,246,508.85	101,536,521.16	135,654,172.31	174,520,057.27

Jadual 4.8

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Terengganu dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	3,533,267.82	1,569,150.00	393,508.55	2,636,443.54	2,537,374.46
Miskin	15,462,885.82	16,728,804.55	16,658,676.31	17,404,473.26	17,578,804.69
Amil	2,332,005.70	1,663,218.17	1,080,013.80	2,660,271.54	4,347,326.78
Muallaf	519,163.08	537,608.98	850,213.50	757,735.46	1,736,320.23
Al-Riqab	-	2,030,000.00	4,336,118.09	180,500.00	58,535.04
Al-Gharimin	58,884.14	23,254.46	21,660.31	22,512.01	35,138.08
Ibnu Sabil	1,780.00	1,720.00	3,756.90	4,040.00	9,055.00
Fisabilillah	12,198,236.05	10,267,624.15	4,708,617.65	5,029,263.91	5,456,867.22
Agihan Terus	-	5,275,038.03	-	-	-
Jumlah	34,106,222.61	38,096,418.34	28,052,565.11	28,695,239.72	31,759,421.50

Jadual 4.9

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Johor dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	6,358,971.04	7,893,353.43	14,058,586.71	16,159,407.01	5,169,931.01
Miskin					14,533,646.71
Amil	4,814,072.14	6,668,843.53	8,052,573.17	8,381,097.12	10,477,016.78
Muallaf	2,616,393.19	2,618,964.61	2,679,345.95	3,865,471.19	4,553,107.76
Al-Gharimin	137,298.21	163,287.67	285,636.31	275,863.08	501,591.50
Ibnu Sabil	23,225.00	78,473.00	137,491.90	163,440.49	47,499.00
Fisabilillah	11,553,403.16	10,131,858.24	12,258,458.90	14,562,070.07	29,539,327.23
Jumlah	25,503,362.74	27,554,780.48	37,472,092.94	43,407,348.96	64,822,119.99

Jadual 4.10

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Pulau Pinang dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	831,058.70	1,044,644.00	1,272,069.00	1,596,145.15	1,511,692.93
Miskin	4,619,047.94	7,037,868.00	6,809,117.00	10,137,080.82	13,614,505.93
Amil	2,261,529.60	2,805,210.00	3,321,587.00	3,905,955.48	3,240,316.30
Muallaf	468,969.41	451,087.00	419,675.00	539,894.80	577,337.67
Al-Gharimin	1,342,901.70	2,173,211.00	936,949.00	828,624.39	813,785.97
Ibnu Sabil	110,460.26	93,554.00	118,097.00	147,390.40	153,080.56
Fisabilillah	6,037,299.00	6,972,086.00	8,463,353.00	9,098,813.23	10,104,123.44
Jumlah	15,671,266.61	20,577,660.00	21,340,846.00	26,253,904.27	30,014,842.80

Jadual 4.11

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Perak dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir/Miskin	7,594,696.66	7,697,211.67	9,855,551.82	11,309,463.07	14,460,815.96
Amil	1,659,170.73	3,210,789.43	3,106,977.87	3,752,939.54	6,961,472.77
Muallaf	41,163,500.00	1,167,133.75	1,392,318.92	1,686,195.37	1,496,090.47
Al-Gharimin	299,649.45	540,912.78	80,235.09	82,546.04	96,787.59
Ibnu Sabil	290,803.20	260,020.35	364,027.02	430,248.72	706,022.29
Fisabilillah	6,406,099.88	7,144,065.03	6,742,978.68	7,257,534.00	7,145,564.86
Jumlah	17,413,919.92	20,020,133.01	21,542,089.40	24,518,926.74	30,866,753.94

Jadual 4.12

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Perlis dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	TD	318,916.00	TD	364,952.00	454,398.00
Miskin	TD	1,008,098.00	TD	1,598,919.20	2,233,408.00
Amil	TD	933,281.00	TD	1,130,464.80	1,449,656.00
Muallaf	TD	162,889.00	TD	171,338.00	185,989.00
Ibnu Sabil	TD	1,348.00	TD	8,772.00	3,265.00
Fisabilillah	TD	2,931,711.00	TD	3,527,903.80	7,270,853.00
Jumlah	TD	5,356,243.00	TD	6,802,349.80	11,597,569.00

Jadual 4.13

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Kedah dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	657,194.00	893,554.40	11,657,660.38	1,310,200.00	1,391,200.00
Miskin	9,065,337.10	10,346,588.00		14,434,201.10	16,234,184.00
Amil	1,995,316.00	2,226,181.10	1,320,925.98	2,730,951.83	7,424,140.00
Muallaf	2,290,910.00	567,128.00	365,842.60	867,378.00	821,330.00
Al-Gharimin	4,000.00	12,395.96	20,682.50	9,750.00	18,389.00
Ibnu Sabil	211,321.30	309,440.00	5,320.00	380,460.00	262,900.00
Fisabilillah	5,080,220.36	5,429,366.40	6,836,940.07	7,716,530.30	9,909,903.00
Lain-lain	837,118.82	-	-	-	-
Jumlah	20,141,417.58	19,784,653.86	20,207,371.53	27,449,471.23	36,062,046.00

Jadual 4.14

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Kelantan dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir/Miskin	6,563,376.06	8,113,444.83	11,657,660.38	12,241,405.43	14,341,035.54
Amil	1,249,908.72	1,285,097.74	1,320,925.98	2,962,685.17	3,544,325.47
Muallaf	429,976.10	339,917.90	365,842.60	505,423.04	708,875.47
Al-Gharimin	18,830.00	19,982.50	20,682.50	19,950.00	8,900.00
Ibnu Sabil	4,460.00	5,320.00	5,320.00	8,760.00	1,550.00
Fisabilillah	6,762,215.36	6,799,518.07	6,836,940.07	6,004,408.99	5,708,343.59
Jumlah	15,028,766.24	16,563,281.04	20,207,371.53	21,742,632.63	24,313,030.07

Jadual 4.15

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Sembilan dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir/Miskin	2,705,110.12	3,708,202.80	5,613,956.34	7,250,818.08	10,697,359.85
Amil	1,913,558.07	1,589,270.29	2,447,107.68	2,894,818.06	3,340,913.37
Muallaf	991,283.49	1,355,862.06	1,256,475.21	1,474,499.63	1,995,800.54
Al-Riqab	4,282,847.45	4,423,542.93	8,573,161.58	7,010,327.03	8,256,140.32
Al-Gharimin	130,266.99	282,239.97	411,519.03	700,445.22	1,074,182.66
Ibnu Sabil	66,993.00	187,764.00	170,432.00	285,715.00	237,131.00
Fisabilillah	2,794,177.78	3,726,716.25	3,781,576.00	5,104,414.52	5,590,644.34
Jumlah	12,884,236.90	15,273,598.30	22,254,227.84	24,721,037.54	31,192,172.08

Jadual 4.16

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Sabah dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	TD	1,403,160.00	2,807,514.00	3,592,093.60	6,342,680.00
Miskin	TD	1,747,818.66	2,216,517.00	2,365,462.13	4,655,469.00
Amil	TD	617,910.89	1,338,748.77	2,237,190.54	1,489,133.53
Muallaf	TD	77,089.50	208,104.50	675,724.50	943,210.00
Al-Gharimin	TD	9,700.00	18,275.41	33,589.52	-
Ibnu Sabil	TD	1,000.00	11,553.00	7,504.00	5,414.00
Fisabilillah	TD	1,043,527.99	2,385,308.90	3,308,240.64	5,390,515.66
Jumlah	TD	4,900,207.04	8,986,022.18	12,219,804.93	18,826,422.19

Jadual 4.17

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Pahang dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	TD	TD	TD	3,538,318.00	TD
Miskin	TD	TD	TD	2,704,270.10	TD
Amil	TD	TD	TD	2,190,939.29	TD
Muallaf	TD	TD	TD	1,457,440.50	TD
Al-Gharimin	TD	TD	TD	2,000.00	TD
Ibnu Sabil	TD	TD	TD	261,007.35	TD
Fisabilillah	TD	TD	TD	8,392,539.69	TD
Jumlah	TD	TD	TD	18,546,514.93	TD

Jadual 4.18

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Melaka dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	2,505,939.20	2,675,376.30	2,928,842.95	TD	3,880,429.40
Miskin	582,878.39	692,911.28	686,941.64	TD	961,773.60
Amil	1,831,144.66	2,371,722.08	3,021,607.20	TD	4,142,815.07
Muallaf	672,651.75	690,765.77	662,603.61	TD	998,116.36
Al-Gharimin	-	-	520.00	TD	4,690.00
Ibnu Sabil	1,887.45	1,914.45	2,040.50	TD	3,757.20
Fisabilillah	6,640,695.19	6,281,148.85	6,519,439.75	TD	7,038,341.32
Jumlah	12,235,196.64	12,713,838.73	13,821,995.65	TD	17,029,922.95

Jadual 4.19

Statistik Agihan Zakat bagi Negeri Sarawak dari Tahun 2003 hingga 2007

	2003	2004	2005	2006	2007
Fakir	-	-	-	-	3,571,474.00
Miskin	1,059,544.65	1,817,741.50	3,129,709.13	4,240,376.49	2,012,249.00
Amil	1,369,323.24	2,168,538.64	2,297,329.01	2,450,517.47	3,021,743.54
Muallaf	55,525.32	62,625.63	103,282.71	88,240.84	75,058.96
Al-Gharimin	-	-	-	-	7,928.00
Ibnu Sabil	2,767.00	3,499.00	4,851.00	3,289.00	2,137.00
Fisabilillah	549,143.94	573,295.55	1,005,064.00	1,268,679.83	2,922,612.82
Jumlah	3,036,304.15	4,625,700.32	6,540,235.85	8,051,103.63	11,613,203.32

4.2.1 ANALISIS DATA

Golongan fisabilillah merupakan penerima terbesar wang zakat bagi Wilayah Persekutuan, Selangor, Pahang, Melaka, Perlis dan Johor. Manakala golongan miskin merupakan penerima terbesar bagi negeri Terengganu, Pulau Pinang dan Kedah. Bagi negeri Perak, Kelantan dan Sarawak pula didapati golongan asnaf terbesarnya terdiri daripada golongan fakir dan miskin. Di Negeri Sembilan, golongan Al-Riqab merupakan golongan penerima terbesar wang zakat dan akhir sekali golongan fakir merupakan golongan asnaf terbesar bagi negeri Sabah. Ini seterusnya menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu golongan asnaf manakah yang merupakan penerima terbanyak wang zakat.

5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kutipan wang zakat didapati meningkat dari tahun ke tahun. Ini secara langsung meningkatkan jumlah wang zakat untuk diagihkan kepada golongan anaf. Pengurusan agihan wang zakat perlu dilaksanakan dengan berkesan agar tidak menimbulkan ketidakpuasan hati dikalangan pembayar zakat. Sekiranya berlaku sedemikian, ianya akan menyebabkan ada dikalangan pembayar zakat memilih untuk membayar zakat terus kepada golongan asnaf tanpa melalui pejabat zakat. Oleh itu, kajian ini mencadangkan penggunaan model pengurusan agihan zakat seperti yang dibincangkan di atas supaya pejabat zakat dapat melaksanakan agihan dana zakat dengan berkesan.

Pejabat zakat juga akan dapat memanfaatkan hasil kajian ini nanti melalui pembentukan perancangan yang lebih baik setelah menyedari aspek yang perlu ditekankan dalam pengurusan agihan zakat. Ini dapat membantu pejabat zakat dalam mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada penerima zakat. Dan ini secara tidak langsung akan meningkatkan kembali kepercayaan masyarakat terhadap pejabat zakat yang sedikit tercalar akibat daripada kelemahan pengurusannya serta beberapa kes penyelewengan yang berlaku sebelum ini.

Garis panduan sedia ada yang digunakan oleh pejabat zakat mungkin sesetengahnya telah tidak relevan lagi akibat daripada perubahan masa. Maka sewajarnya garis panduan ini dikemaskini dengan mengambil kira maklumat terkini daripada kajian ini.

6.0 RUJUKAN

- Abdul Ghafar, I. & Hailani Muji, T. (2006). *Zakat: Pensyariatan, perekonomian dan perundangan*. Penerbit UKM: Bangi.
- Ahmad Syafi'i, K. (2005). *Siri keajaiban rukun Islam: Hikmah zakat*. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise.
- Brown, A. E., & Grant, G. G. (2005). Framing the frameworks: A review of IT governance research. *Communications of the Association for Information Systems*, 15(1), 696-712.
- Butler, C. (2009). Leadership in a multicultural Arab organisation. *Leadership & Organization Development Journal*, 30(2), 139-151.
- Faruq Ahmad, A. U., & Hassan, M. K. (2009). Legal and regulatory issues of Islamic finance in Australia. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 2(4), 305-322.
- Imam Muslim. (1997). *Terjemahan hadis shahih Muslim* (Ma'mur Daud, Terjemahan Vol. 1,2,3 & 4). Selangor: Klang Book Centre.
- IT Governance Institute. (2003). *Board briefing on IT governance*. Diambil pada 2 Ogos, 2011, daripada https://www.isaca.org/Knowledge-Center/Research/Documents/BoardBriefing/26904_Board_Briefing_final.pdf
- Johnson, J. R. (1998). Embracing change: A leadership model for the leaning organization. *International Journal of Training and Development*, 2(2), 141-150.
- Kamil, M. I. (2002). *Gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji di kalangan kakitangan awam*. Tesis PhD tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Kamil, M.I., & Ahmad Mahdzan, A. (2002). Peranan sikap dalam gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *Analisis*, 9(1&2), 171-191.
- Khaliq, A. (2009). Leadership and work motivation from the cross cultural perspective. *International Journal of Commerce and Management*, 19(1), 72-84.
- Laporan tahunan Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Laporan tahunan 2003 hingga 2007 diambil pada 5 Mei 2009 daripada <http://zakat.com.my/laporan/bukulaporan.html>
- Mohammad Nidzam, A. K. (2006). *Soal jawab remeh-temeh tentang zakat tapi anda malu bertanya*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

- Nathan, S., & Ribiere, V. (2007). From knowledge to wisdom: The case of corporate governance in Islamic banking. *VINE: The Journal of Information and Knowledge Management Systems*, 37(4), 471-483.
- Noor Azizi, I. (2008). Information technology governance, funding and structure: A case analysis of a public university in Malaysia. *Campus-Wide Information Systems*, 25(3), 145-160.
- Ram Al Jaffri, S., Zainol, B., Kamil, M.I., & Md Hairi, M.H. (2008). Gelagat kepatuhan zakat perniagaan: Aplikasi teori tindakan beralasan. Kertas kerja dibentangkan di National Management Conference, Terengganu.
- Shawal, K. (2009). *The advancement of e-zakat for delivering better quality service and enhancing governance sphere of zakat institution in Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Forum Zakat Sedunia, University Gajah Mada Yogyakarta, Indonesia.
- Syed Omar, S. A., Djasriza, J., & Fatimah, P. (2007). Nine Islamic management practices and habits in Islamic history: Lessons for managers and leaders. *UNITAR E-JOURNAL*, 3(2), 42-59.
- Trites, G. (2004). Director responsibility for IT governance. *International Journal of Accounting Information Systems*, 5, 89-99.
- Weill, P., & Ross, J. W. (2004a). *IT governance on one page*. Diambil pada 1 Ogos, 2011, daripada http://www.qavision.com/expertzone/it_governance_in_a_page.pdf.
- Weill, P., & Ross, J. W. (2004b). *IT governance: How top performers manage IT decision rights for superior results*. Diambil pada 21 Julai, 2011, daripada <http://hbr.org/product/it-governance-how-top-performers-manage-it-decisio/an/2535-HBK-ENG>
- Yakan, F. (1992). *Apa ertinya saya menganut Islam?* (Alias Othman, Terjemahan. 4 ed.). Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Zaid, O. A. (2000). The appointment qualifications of Muslim accountants in the middle ages. *Accounting Education*, 9(4), 329-342.
- Zainol, B. (2008). *Faktor-faktor penentu niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji*. Tesis PhD tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Zandstra, G. (2002). Enron, board governance and moral failings. *Corporate Governance*, 2(2), 16-19.